

Headline **Landak raya diternak secara komersial**
 Date **13. Apr 2008**
 Media Title **Berita Minggu**
 Section **Dimensi**
 Circulation **342946**
 Readership **2476000**

Language **MALAY**
 Page No **2,3**
 Article Size **1715 cm²**
 Frequency **Daily**
 Color **Full Color**



Sifat landak juga berpuak-puak, apabila bertembung dengan landak dari kumpulan lain, mereka akan bergaduh.
Kekuatan mereka di luar jangkaan. Malah, kandang besi juga mampu dipecahkan jika bergaduh."

Tukiran Dalimi
Pemerkar landak

Foto: MASHIMI BERITA MINGGU

Oleh Siti Nur Almizan Aripin dan Mohd Amin Jalil
snr@nsp.com.my

MENTERNAK landak untuk tujuan komersial kedengaran janggal. Namun bagi yang pernah merasai keenakan daging haiwan yang semakin diancam kepusuruan itu, usaha penternakan komersial landak raya atau *Hystrix Brachyura* pastinya memberi kabar gembira kepada mereka.

Projek penternakan komersial landak raya diusahakan secara bersama oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) dan orang awam sejak 2005. Melalui program itu, beberapa aspek aplikasi bioteknologi dikaji.

Walaupun keutamaan diberikan kepada pembiakan dan skop genetik molekul tapi nilai tambah lain juga dibangunkan bagi memperkuatkan keperluan penggunaan spesies ini secara lestari selain kepentingan konservasi spesies.

Usaha dilakukan pihak terabit mampu memberi impak besar pada bilangan populasi hidupan liar dalam kurungan melalui sistem pembiakan teratur dan aplikasi bioteknologi pembiakan terikat.

Penternak landak raya di Banting, Selangor yang mempelopori penternakan landak raya secara komersial bersama Perhilitan, Tukiran Dalimi, 45, berkata landak raya mempunyai pasaran dan nilai komersial yang tinggi untuk pasaran tempatan dan luar negara.

"Bagaikanapun, sayang sekali populasi landak di negara ini semakin terancam dan berkurangan disebabkan

pemburuan haram juga pembangunan," katanya yang sudah hampir tiga tahun menternak landak raya.

Tukiran mendapat kebenaran Perhilitan untuk memburu serta membiak haiwan yang dilindungi sepenuhnya Akta Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara 1972 (Akta 76/72).

Akta berkenaan diwujudkan bagi melindungi hidupan liar tempatan dan hidupan liar yang tersenarai dalam Konvensyen CITES. Landak raya adalah spesies hidupan liar yang dilindungi dalam senarai Jadual Dua Bahagian II - Binatang Perburuan.

Segala aktiviti yang membabitkan hidupan yang dilindungi dan dilindungi sepenuhnya tanpa lesen atau permit khas adalah menjadi satu kesalahan serta boleh dikenakan denda atau dipenjara.

"Saya mendapat lesen dari Perhilitan untuk memburu 100 ekor landak raya liar bagi tujuan pembiakan bagaimanapun sebelum memulakan projek ini tiga tahun lalu, hanya lima ekor landak liar saya buru untuk dijadikan baka.

"Seekor landak jantan dan empat betina yang saya dapat dari kawasan belukar berhampiran Litar F1 Sepang ialah permulaannya dan sehingga kini saya mempunyai kira-kira 40 ekor landak raya berasa dari dua tahun hingga sehar."

Katanya leka membelai landak peliharaannya yang manja dan kenal tuan.

Menceritakan idea untuk menternak landak raya, Tukiran berkata, usaha itu bertitik tolak daripada

kekecewaannya terhadap penternakan lembu dan kambing.
Spesies yang semakin pupus ini mendapat permintaan tinggi di dalam dan luar negara

kekecewaannya terhadap penternakan lembu dan kambing.

"Ketika itu saya membela lembu dan kambing tapi binatang itu memberi banyak masalah malah menjaganya juga sedikit leceh. Sudah diberi makan yang cukup pun masih masuk ke kawasan orang membuka kacau.

"Lama memikirkan apa boleh mengantikkan lembu dan kambing, saya terfikir mengenai daging landak yang turut mendapat permintaan tinggi lalu idea itu saya usulkan pada Perhilitan," katanya yang kini mampu berbangga dengan tiga generasi landak yang diternaknya.

Ladang landak raya milik Tukiran di Kampung Labuhan Dagang, Banting, Selangor dipagar tinggi bagi mengelakkannya diceroboh pihak luar. Manakala landak pula ditempatkan di dalam kandang berjerji besi.

"Tujuan pagar itu dibuat bagi mengelakkan kanak-kanak bermain dengan landak berkenaan. Apa yang dirisaukan apabila digangu,



YAHAYA MASHIMI BERITA MINGGU



Perhilitan laksana program pawah biak



Rencana

PROJEK pembiakan komersial landak raya diselia Bahagian Pemuliharaan Ex-Situ Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan).

Fungsi utama bahagian ini adalah merancang, mengurus, mengendalikan dan menyelesaikan program serta aktiviti pembiakan spesies hidupan liar untuk tujuan konservasi dan komersial.

Sehingga kini, ada tiga spesies hidupan liar yang mula dibiakkan mengikut program pembiakan komersial landak raya di Selangor dan Negeri Sembilan.

seladan dan landak raya. Program yang dilaksanakan secara pawah itu dimulakan dengan spesies pelanduk (*Tragulus javanicus*).

Pengarah Bahagian Pemuliharaan Ex-Situ Perhilitan, Khairiah Mohd Shariff berkata, sehingga kini ada lima pengusaha projek penternakan komersial landak raya di Selangor dan Negeri Sembilan.

Katanya, melalui projek pembiakan komersial ini, orang ramai berpeluang menikmati daging hidupan liar seperti landak secara sah iaitu melalui penternak-

yang mempunyai permit memelihara di Perhilitan.

"Bagi menambah bilangan spesies hidupan liar dalam kurungan, Perhilitan mengadakan program kerjasama dengan Institut Agrobioteknologi Kebangsaan (Abi) ke atas spesies landak berjumlah RM1.25 juta.

"Beberapa program penyelidikan bersama juga dijalankan dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) antaranya kajian mengenai kitaran estrus (pembiakan) landak raya. Tujuannya untuk menyeragamkan tempoh bunting landak

secara komersial



TUKIRAN dibantu keluarganya menguruskan ternakan landak melalui program kerjasama ternakan landak raya Jabatan Perhilitan, Institut Agro Bioteknologi dan Tukiran Enterprise di Kampung Labuhan Dagang.

landak boleh melepaskan durinya yang berbisa sehingga jarak 0.6 meter. Ia mungkin boleh mendatangkan kecederaan atau matu.

"Sifat landak juga berpuas-puas, apabila bertembung dengan landak dari kumpulan lain, mereka akan bergaduh. Kekuatannya mereka di luar jangkaan. Malah, kandang besi juga mampu dipecahkan jika bergaduh," katanya.

Kata Tukiran, melalui program usaha sama Pembiakan Komersial Landak Raya bersama Perhilitan, setiap penternak yang berminat perlu mendapatkan kebenaran Perhilitan. Jabatan berkenaan akan bertanggungjawab memberi sokongan dari segi khidmat nasihat mengenai

pemakanan, sifat dan kawasan kandang yang sesuai untuk landak peliharaan.

Landak raya peliharaan Tukiran diberi makan daun ubi, daun betik muda dan buah kelapa sawit dari pokok sawit sekitar kawasan ladangnya. Sesekali makanan landak disulam dengan dedak, vitamin dan garam mineral yang disarankan Perhilitan bagi membekalkan nutrien yang cukup untuk tumbesaran landak.

Tukiran berkata, keistimewaan daging landak adalah pada dagingnya yang lembut, tidak mengandungi lemak dan tidak banyak serat. Dagingnya juga enak jika disalai, dimasak rendang, sup atau kari walaupun dagingnya mempunyai

rasa dan bau yang sedikit menyengat dengan warna yang sedikit pucat.

"Amalan memakan secubit hati landak setiap hari juga dikatakan mampu menyembuhkan penyakit kronik seperti kanser, lelah dan leukemia. Daging landak juga mempunyai gen yang boleh membantu mempercepatkan proses penyembuhan luka," katanya.

Ketika kecil dulu diri landak turut berguna sebagai penunjuk ketika kelas mengaji. Ada juga sebilangan masyarakat yang mempunyai kepercayaan karut dengan membalut duri landak di dalam kain kafan sebagai penolak bala. Ada juga yang mengaitkan amalan memakan ekor landak

mampu meningkatkan tenaga batin.

Tukiran bagaimanapun menafikan dakwaan segelintir pihak yang mengaitkan amalan memakan daging landak sebagai ubat atau tonik untuk meningkatkan fungsi seksual atau kepercayaan lain.

Tukiran berkata, penterakan landak mempunyai potensi untuk dikembangkan iaitu sebagai alternatif untuk daging lembu atau kambing. Tapi belum lebih selesa menjadikan pembekal baka landak raya untuk pengusahaan yang berminat.

Di pasaran, daging landak raya boleh mencetral sehingga RM70 sekilo malah seekor landak raya hidup boleh dibeli dengan harga

RM1,000 seekor manakala harga sepasang landak raya adalah RM3,500 bergantung pada saiz dan umur.

Tukiran mensasarkan untuk mewujudkan lima francis penterakan landak raya sebelum memasarkan daging landak di pasaran dalam tempoh beberapa tahun lagi.

"Kini saya ada kira-kira 40 ekor landak raya yang sesuai disembelih bagi mendapatkan daging, malah permintaan daging, pembekal daging dan orang ramai juga sangat banyak."

"Tapi saya agak keberatan untuk menjual daging. Ketika ini saya lebih berminat untuk menjadi pembekal baka landak raya untuk sesiapa yang berminat memulakan penerakan landak," katanya.

Sementara itu di Seremban, hanya sebuah restoran menyediakan masakan daging landak, bagaimanapun hidangan itu bukannya pada setiap hari kerana ia bergantung kepada bekalan daging yang diperoleh dari Johor.

Restoran Nelayan Seafood & Catering Sdn Bhd atau dikenali sebagai Restoran Nelayan, yang beroperasi sejak 20 tahun lalu di Jalan Z'a ba, menyediakan daging landak masak lemak cili api dan masak halia dicampur kicap.

Pemiliknya, Abd Hadi Othman, berkata harga yang dikenakan RM10 bagi satu senduk tetapi masalah yang sering dihadapi ialah bekalan tidak mencukupi.

"Penggemar masakan landak bukan saja dari negeri ini malah dari Kuala Lumpur dan Melaka dan ada kalangan mereka adalah pelanggan tetap," katanya.

info

Landak

- Dikenali juga sebagai porcupine, terdiri daripada gabungan dua perkataan Latin yang bererti 'babu berdiri'.
- Seekor landak matang disebelah ketika usia lapan hingga 12 bulan boleh menghasilkan kira-kira lapan kilogram (kg) daging. Panjang landak biasanya antara 63 hingga 80 sentimeter dengan berat antara lima kilogram (kg) hingga 20 kg.
- Tempoh bunting landak raya betina adalah 16 minggu atau hampir 100 hari. Landak raya mampu membiak sehingga dua kali setahun. Haiwan bertulang belakang (vertebra) ini melahirkan dan menyusup anak mereka.
- Landak raya mempunyai sepinggang 30,000 duri. Setiap duri landak mempunyai "duri cangkul seni" boleh mencangkul tubuh pemangsa yang cuba menyerangnya.
- Landak raya liar mampu hidup 12 hingga 15 tahun, sementara landak yang dipelihara pula pernah direkodkan hidup sehingga 20 tahun.

spesies hidupan liar

betina bagi memudahkan kerja pengurusan," katanya.

Khairiah berkata, kajian yang dimulakan Januari lalu membabitkan 15 ekor landak betina yang disuntik hormon kesuburan akan dipantau dan dibiar bunting dalam tempoh empat bulan.

Satu lagi kajian yang juga dijalankan bersama UPM adalah membatikan pemakanan sesuai untuk tumbesaran landak raya.

"Ia dilakukan bagi melihat makanan sesuai yang diperlukan untuk mempercepatkan proses tumbesaran haiwan berkenaan. Biasanya tempoh

“Bagi menambah bilangan spesies hidupan liar dalam kurungan, Perhilitan mengadakan program kerjasama dengan Abi ke atas spesies landak raya”

Khairiah Mohd Shariff
Pengerusi Bahagian Pemuliharaan Ex-Situ Perhilitan,

sesuai untuk mendapatkan daging adalah pada usia lapan hingga sembilan bulan, namun jika proses dapat disingkatkan, penterak akan mendapat pulangan lebih cepat," katanya.

Bagi tujuan kajian, Pusat Konservasi Hidupan Liar Sungai Dusun, Selangor yang beroperasi sejak April 2000 dipilih untuk menjalankan kajian berkenaan. Sehingga kini, selain landak raya, spesies hidupan liar seperti badak cipan atau tapir, buaya julung-julung (*Tomistoma schlegelii*) dan kongkang (*Nycticebus coucang*) juga terbabit dengan program konservasi ex-situ.



Rencana

EDITION 24 APRIL 2008